



جایتن فندیقن ساراغور  
**JABATAN PENDIDIKAN SELANGOR**



Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4, 40604 Shah Alam.  
Tel: 03-5518 6500 Fax: 03-5510 2133 E-mail: jpnsel@sel.moe.gov.my  
Website: <http://www2.moe.gov.my/jpnsel>

Rujukan Kami : JPNS/PPP/A25087/01/(37)  
Rujukan Tuan :  
Tarikh : 22 JUN 2004

Semua Pengetua dan Guru Besar  
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tuan / puan,

**PELAKSANAAN PROGRAM NILAM (NADI ILMU AMALAN MEMBACA) DI  
NEGERI SELANGOR**

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/1998 bertarikh 22 mei 1998, semua sekolah telah diarahkan untuk melaksanakan program membina tabiat membaca melalui Program NILAM.

2. Program NILAM merupakan program yang telah dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertujuan untuk membina tabiat membaca di kalangan murid sekolah. Oleh itu, program ini adalah wajib dilaksanakan di semua sekolah supaya tabiat suka membaca dapat disemai di kalangan murid sekolah dan rakyat Malaysia amnya.
3. Sehubungan dengan itu, semua sekolah wajib mematuhi arahan yang terdapat dalam surat pkeliling tersebut. Pemantauan pelaksanaan Program NILAM di negeri Selangor akan dilaksanakan oleh Pusat Sumber Pendidikan Negeri Selangor(PSPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor Bilangan 14/2004.
4. Diharap semua pengetua dan guru besar akan memandang serius perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Sekian. Terima kasih.

**“Kejujuran dan ketekunan”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' HJ. YUSOFF BIN HARUN)**  
D.P.M.S, S.M.S,A.M.N  
Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Selangor